

SOM bincang kaedah rumus Piagam Asean

Strategi jangka panjang yang jelas bagi kumpulan 10 negara



Laporan Wan Hazmit Bakar dan Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Kaedah untuk merumuskan Piagam Asean adalah antara isu yang dibincangkan dalam Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) Asean ke-39 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini semalam.

Penubuhan Piagam Asean dicetuskan ketika Sidang Kemuncak Asean ke-11 di Kuala Lumpur pada Disember lalu dengan ketua negara Asean menzahirkan komitmen ke arah penubuhannya dalam Deklarasi Kuala Lumpur.

Piagam Asean menjadikan Asean satu institusi yang ditambah dalam satu rangka kerja perundangan bagi merealisasikan matlamat dan objektifnya, sekali gus mewakili kepentingan seluruh masyarakat Asia Tenggara.


Penolong Pengarah Sekretariat Asean-Filipina, MC Abad Santos Jr, berkata perwakilan SOM Asean sedang memperhalusi draf Piagam Asean untuk diputuskan dalam mesyuarat peringkat menteri Selasa ini.

"Perbincangan dalam membentuk agenda mesyuarat adalah lanjutan daripada deklarasi yang diputuskan dalam Sidang Kemuncak Asean ke-11 pada Disember lalu.

"Antara yang dibincangkan adalah pengubalan draf penubuhan Piagam Asean," katanya pada sampingan hari kedua mesyuarat SOM di sini.

Antara isu lain yang dibincangkan ialah keadaan di Myanmar serta pergolakan berterusan di Asia Barat dan pembentangan laporan daripada wakil pelbagai negara.

Ditanya bentuk tindakan Asean



BERSATU HATI: Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Rastam Mohd Isa (lima dari kanan) bergambar bersama pegawai kanan dari negara Asean di KLCC semalam.

terhadap Myanmar, beliau berkata: "Saya tidak mengetahuinya".

Sementara itu, seorang perwakilan berkata, Piagam Asean akan memperkukuhkan pertubuhan Asean dan menetapkan satu strategi jangka panjang yang jelas bagi kumpulan 10 negara itu.

"Asean perlu dipegang di bawah satu mekanisme perundangan bagi membolehkannya bertindak atau menguatkuasakan sesuatu keputusan Asean," katanya sambil menambah ketidakupayaan Asean mengambil tindakan terhadap Myanmar yang melakukan pelanggaran hak asasi manusia menunjukkan betapa perlunya satu Piagam Asean diputuskan.

Sejak 39 tahun lalu, keputusan dalam Asean dibuat secara konsensus, tetapi ia tidak meletakkan tanggungjawab kepada setiap anggota untuk mematuhi persetujuan yang dicapai. Akibatnya, banyak keputusan dalam mesyuarat Asean tidak dikuatkuasakan beberapa negara anggota.

Bagaimanapun, di bawah mekanis-

me Piagam Asean, anggota boleh memilih untuk keluar daripada apa-apa perjanjian atau pakatan jika merasakan ia bercanggah dengan kepentingan nasional mereka.

Berikutan Deklarasi Kuala Lum-

Perbincangan dalam membentuk agenda mesyuarat adalah lanjutan daripada deklarasi yang diputuskan dalam Sidang Kemuncak Asean ke-11 pada Disember lalu"

MC Abad Santos Jr
Penolong Pengarah Sekretariat
Asean-Filipina

pur, sebuah Kumpulan Tokoh Terkemuka (EPG) yang dipengerusikan Tun Musa Hitam ditugaskan menyediakan cadangan Piagam Asean.

EPG turut disertai tokoh terkemuka dan dihormati masyarakat kalangan negara anggota Asean yang kebanyakannya adalah bekas pemimpin.

Sementara itu, Setiausaha Agung Asean, Ong Keng Yong, memperkerusikan mesyuarat SOM yang memasuki hari kedua semalam bagi memperincikan agenda dan mengubal pernyataan bersama Mesyuarat Menteri-Menteri Asean (AMM) Selasa ini.

Seorang pegawai kanan berkata antara topik yang masih mendominasi perbincangan ialah isu Asia Barat dan kelewatan proses pelaksanaan demokrasi di kalangan negara anggota terutama Myanmar.

Mesyuarat pegawai kanan dan jawatankuasa kerja Asean berakhir hari ini dengan majlis penutupan di sempurnakan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.